

11 MAR 2000

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR TIDAK TERKEJUT DENGAN PENCALONAN UMNO TANAH MERAH

LANGKAWI, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak terkejut dengan keputusan Umno bahagian Tanah Merah mencalonkan pengerusi badan perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan presiden dan timbalan presiden Umno.

"Saya tidak terkejut mengenai apa-apa. Saya tidak nampak apa-apa. Saya cuma nampak pemberita sekarang," katanya kepada pemberita ketika ditanya reaksi beliau berhubung pencalonan pertama yang diterima Tengku Razaleigh untuk jawatan berkenaan.

Sebelum ini Tengku Razaleigh mendapat satu pencalonan untuk jawatan naib presiden daripada Umno bahagian Grik bagi pemilihan Umno Mei ini.

Umno tidak boleh berbuat apa-apa kerana Majlis Tertinggi (MT) telahpun memberikan nasihat berhubung perkara itu, katanya selepas meninjau projek pembangunan di sini hari ini.

"Apa yang diterangkan sebelum ini, itu merupakan nasihat.

"Nasihat kita bukan nasihat British (penjajah) yang mesti dipatuhi, kalau (ada yang) tak patuh...kita tak boleh buat apa-apa kerana dah beri nasihat kerana pendapat MT itu adalah baik. Itu saja. Saya tak ada apa-apa komen," katanya ketika ditanya sama ada bahagian itu engkar dengan nasihat Majlis Tertinggi.

Semasa menjawab soalan sama ada beliau jangkakan ada bahagian lain akan mengikut jejak Umno bahagian Tanah Merah, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata "Saya tidak tahu".

Beliau juga mengatakan "tidak tahu" dan menambah ringkas "kita tengok" apabila ditanya sama ada keputusan seperti itu boleh menimbulkan perpecahan di kalangan anggota Umno.

Dr Mahathir juga berharap tidak ada mana-mana pihak yang mengambil tindakan menentukan calon-calon bagi jawatan tertentu pada pemilihan itu kelak.

"Saya tidak tahu (sama ada) benar atau tak benar tapi saya berharap tak benar", katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai tindakan pihak tertentu yang cuba menyekat Umno bahagian-bahagian daripada mencalonkan beliau dan orang lain untuk jawatan naib presiden Umno.

Muhyiddin yang kalah pada pemilihan naib presiden pada 1996 berkata anggota Umno sepatutnya diberikan hak dan kebebasan dalam menentukan senarai pencalonan bagi pemilihan pada Perhimpunan Agung Umno Mei ini.

Ketika ditanya mengenai dakwaan Muhyiddin peratusan pencalonan untuk membolehkan seseorang itu bertanding hanya menguntungkan pihak tertentu, Dr Mahathir berkata perkara itu agak lewat untuk disemak dan cadangan itu boleh dibawa pada mesyuarat agung atau tempat yang sesuai.

Mengikut peraturan sekarang, seseorang anggota mesti mendapat sekurang-kurangnya 10 peratus atau 17 pencalonan daripada 165 bahagian untuk layak sebagai calon naib presiden.

-- BERNAMA

NH RON